

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan daripada jumlah 150,000 unit komputer riba untuk pelajar yang diumumkan oleh Menteri Kewangan dalam Belanjawan 2021, berapa unit komputer riba yang telah diedarkan untuk kegunaan pelajar-pelajar sehingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inisiatif Tabung CERDIK seperti yang diluluskan dalam Belanjawan 2021 adalah satu inisiatif pemberian peranti digital kepada 150,000 orang murid B40 yang dilaksanakan oleh Yayasan Hasanah, sebuah yayasan di bawah Khazanah Nasional. CERDIK merupakan satu inisiatif tanggung jawab sosial korporat (CSR) oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) bertujuan menyediakan peranti digital dan pelan data kepada murid B40 yang dikenal pasti.

Yayasan Hasanah menguruskan sumbangan peranti digital termasuk pelan data daripada GLC dan GLIC serta menyelaras penghantaran peranti berkenaan ke Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Peranti digital yang diterima oleh KPM akan terus diagihkan kepada murid B40 yang telah dikenal pasti. Sehingga 20 September 2021, sebanyak 112, 356 unit peranti digital dilengkapi dengan pelan data telah diserahkan kepada murid B40 di 910 sekolah seluruh negara. Manakala, 16, 577 unit telah diterima daripada Yayasan Hasanah dan akan diagihkan kepada murid dalam masa terdekat. Baki 21, 067 unit lagi akan diagihkan sebaik sahaja diterima daripada Yayasan Hasanah.